

Bukan wajib beri subsidi: Mujahid

Tanggungjawab subsidi itu tidak menjadi masalah ketika kedudukan ekonomi dalam keadaan baik

NOOR AINULYAKIN ISHAK

KUALA LUMPUR

Subsidi diberikan Lembaga Tabung Haji (TH) kepada jemaah haji selama ini bukan sesuatu yang wajib, sebaliknya hanya untuk ringankan beban pencaharum bagi menampung kos menunaikan ibadah itu.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mujahid Yusof berkata, tanggungan subsidi itu tidak menjadi masalah ketika kedudukan ekonomi dalam keadaan

baik, selain perniagaan TH berkembang sebelum ini.

"Namun kini tanggungjawab akan menjadi beban ketika kedudukan kewangan TH bermasalah, kerana itu TH sedang menimbang dasar subsidi untuk jemaah yang merayu dipercepatkan giliran menunaikan haji.

"Bila masa senang bolehlah (beri subsidi), sekarang masa susah. Bukan benda itu (subsidi) wajib. Wajib (menunaikan haji) dekat kamu (jemaah) bila ada kemampuan.

"Kami meringankan dengan (keuntungan) perniagaan yang ada untuk beri kemudahan kepada jemaah," kata-



MUJAHID

nya memetik laporan The Malaysian Insight, semalam.

Kenyataan itu dibuat bagi mengulas maklumat tersebar mengatakan mulai musim haji tahun ini, TH akan memansuhkan subsidi bagi jemaah haji membuat rayuan untuk menunaikan haji dan mereka yang menunaikan haji bukan kali pertama.

Sebelum itu, Mujahid mengumumkan kos menunaikan haji bagi jemaah kekal RM9,980 walaupun kos sebenar meningkat kepada RM22,900 dengan tanggungan subsidi RM12,920 bagi setiap jemaah haji.

Subsidi itu katanya, akan dipertimbangkan mengikut kes bagi bakal jemaah yang membuat rayuan mendapatkan tempat menunaikan haji.

'Kenapa saya tak layak?'

KUALA TERENGGANU - Seorang lelaki orang kurang upaya (OKU) menjadi tular selepas kisahnya yang kecewa kerana tidak layak menerima Bantuan Sara Hidup (BSH) 2019 mendapat perhatian ramai, kelmarin.

Kecelakaan Ishak Awi, 59, itu turut dikongsi di laman sosial Facebook bekas Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak.

Sehingga semalam, kisah Ishak mendapat 47,000 reaksi, 7,400 komen dan 6,600 perkongsian.

Ishak yang bekerja sebagai pembantu kedai membaiki kasut berkata, setelah berita disiarkan di akhbar, dia menerima banyak panggilan telefon bertanyakan status kelayakannya itu.

"Ramai yang telefon tanya pasal

ni. Saya rasa bagus juga cerita saya keluar dalam akhbar, sekurang-kurangnya ramai yang tahu masalah ni.

"Dulu zaman Najib dapat BR1M RM450, kenapa sekarang tak dapat? Sepatutnya biar dapat semua, untuk OKU, ibu tunggal, bapa tunggal," katanya.

Ishak yang kudung dua kaki dan cacat tangan kiri sejak lahir tidak layak memohon BSH 2019 sebanyak RM450 dan belum layak memohon kategori warga emas disebabkan usianya belum mencukupi 60 tahun.

Dia perlu menyemak semula status permohonan bagi kategori bujang yang akan dibayar RM100 dan permohonan itu akan dibuka bermula hujung Mac depan.

Ditanya apa yang boleh dibelanjakan sekiranya mendapat RM100 bagi kategori bujang, katanya, nilai itu tidak banyak membantu dalam keadaan ekonomi sekarang.

Katanya, RM100 hanya boleh tampung kos ulang-alik menaiki bas dari rumahnya di Kampung Tanjung, Batu Rakit ke bandar Kuala Terengganu.

"Kos pergi balik setiap hari RM3.20. Gaji saya pula tak tetap. Kalau jualan laku boleh dapat RM15 hingga RM20 untuk sepasang tapak kasut," katanya.

Terdahulu, Ishak dilaporkan kecewa dengan proses pendaftaran dan kemas kini permohonan BSH 2019 setelah dimaklumkan belum layak menerima bantuan berkenaan.



Ishak (kanan) di kedai membaiki kasut di bazar Majlis Bandaraya Kuala Terengganu.

REAKSI



Saya harap semua (yang tersebar) tidak berlaku dan kami diberi subsidi seperti sebelum ini. Contohnya, saya daftar awal haji berbanding suami, jadi kalau saya dapat dulu, saya tak tahu kos suami sebagai pengiring tinggi. Kos memang naik, kita faham beban ditanggung TH. Kita menanti apa inisiatif TH untuk pulihkan kembali." - Kama Nurakma Abd Kadir, 32



Kadang-kadang dengar berita berkaitan TH ni gerun juga. Sebagai rakyat, saya harap pihak TH tidak menghampakan kita sebagai umat Islam yang berharap kepada mereka untuk menunaikan haji."

- Azuri Muhammad, 40, Shah Alam



TH perlu kembali kepada fungsi sebenar penubuhannya, tak sepatutnya dicampur aduk dengan politik, sebab TH ini penting untuk rakyat Malaysia beragama Islam. Semua bergantung harap kepada TH terutama golongan macam kita ni.

- Mohd Azam Hassan, 38, Negeri Sembilan

Penafian Najib bukan satu kesalahan: Peguam

KUALA LUMPUR - Tindakan bekas Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak membuat penafian berhubung pengubahan wang melibatkan peguam, yang juga Penasihat Undang-undang UMNO, Datuk Mohd Hafarizam Harun dilihat bukan satu kesalahan dan tidak menjejaskan perjalanan prosiding kes tersebut.

Peguam Muhammad Akram Abdul Aziz berkata, penjelasan oleh Ahli Parlimen Pekan itu melalui Facebook beliau juga boleh dianggap sebagai bukan satu bentuk keterangan.

"Penafian atau penjelasan Najib itu berbentuk pandangan peribadi beliau dan mungkin tidak dianggap 'sub judice' (suatu yang masih dalam pertimbangan

mahkamah atau kes masih berjalan dan tidak boleh dibincangkan secara umum).

"Ia boleh juga dikatakan sebagai hak beliau untuk bersuara seperti diperuntukkan di bawah Artikel 10 Perlembagaan Persekutuan. Buat masa ini, pandangan yang beliau lontarkan tidak menjejaskan perjalanan prosiding kes tersebut," katanya ketika ditanya tindakan dilakukan bekas Presiden UMNO itu boleh dikategorikan sebagai menghina mahkamah.

Ini kerana, kes melibatkan pengubahan wang haram berjumlah RM15 juta yang dikenakan ke atas Mohd Hafarizam itu sedang dituntut di mahkamah.

MOF kesal laporan tidak benar

PUTRAJAYA - Kementerian Kewangan (MOF) kesal terhadap laporan media dan dakwaan pihak tidak bertanggungjawab menyatakan OKU bujang, ibu bapa tunggal dan warga emas tidak menerima Bantuan Sara Hidup (BSH).

Menurut satu kenyataan, Kerajaan Persekutuan kini sedang menumpukan proses pendaftaran dan kemas kini maklumat untuk program BSH yang memberikan bantuan secara bersasar dan mengutamakan keluarga.

"BSH2019 juga memberi kadar

tambahan mengikut bilangan anak bawah tanggungan. Kadar tambahan BSH2019 sebanyak RM120 diberikan untuk setiap anak berumur 18 tahun ke bawah terhad kepada empat anak dan bagi anak OKU yang tidak dihidkan umur.

"Dalam konteks ini, MOF ingin menjelaskan ibu bapa tunggal dengan tanggungan turut layak dan diberikan BSH pada 2019. Bagi warga emas melebihi 60 tahun, mereka juga layak menerima BSH sama ada berstatus berkahwin atau bujang," katanya.